

Analisis Kaedah Pentafsiran Syeikh Abdullah Basmeih Terhadap Ayat *Mutasyabihat al-Sifat*

BITARA

Volume 6, Issue 4, 2023: 78-91
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 11 August 2023
Accepted: 23 August 2023
Published: 10 September 2023

[Analysis of Sheikh Abdullah Basmeih's Method of Interpretation of the Mutasyabihat Verse of Allah Attributes]

Nurul Nabilah Ahmad Marzuki & Mohd Nazri Ahmad ^{1*}

1 Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.
E-mail: nabilahmarzuki100@gmail.com, m_nazri@ukm.edu.my

*Corresponding Author: m_nazri@ukm.edu.my

Abstrak

Syeikh Abdullah Basmeih antara tokoh ulama' Nusantara yang tersohor dalam penulisan kitab tafsir iaitu Tafsir Pimpinan al-Rahman. Tafsir ini juga berperanan sebagai rujukan utama bagi penulisan ilmiah di universiti khususnya dan umumnya menjadi tafsiran yang dirujuk oleh masyarakat di Malaysia. Penggunaannya sebagai satu sumber rujukan lebih signifikan apabila tafsirannya digunakan pada aplikasi al-Quran di dalam peranti-peranti elektronik pada masa kini. Tafsiran berkaitan ayat *mutasyabihat* tentang sifat Allah swt menjadi satu polemik masyarakat apabila perbezaan pegangan individu mendasari kefahaman mereka. Kekeliruan yang timbul dalam memahami sifat Allah swt menjadikan keperluan kepada masyarakat untuk merujuk tafsiran ulama' kerana wujudnya pelbagai fahaman menyeleweng dalam menginterpretasikannya. Justeru, kajian ini memfokuskan untuk memperkenalkan Syeikh Abdullah Basmeih sebagai seorang tokoh *mufassir* dan kitabnya serta kaedah pentafsiran yang digunakan terhadap ayat *mutasyabihat* sifat Allah swt dalam kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman. Metodologi kajian ini ialah analisis kandungan bagi melihat aplikasi kaedah yang dijalankan dalam menghuraikan ayat-ayat *mutasyabihat* berkaitan sifat Allah swt dan data dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menjelaskan bahawa Syeikh Abdullah Basmeih mentakwilkan nas-nas *mutasyabihat* dengan *takwil ijmal* pada lafaz *al-Wajh*, *al-'Ain*, *al-Majiu* dan *al-Fawqa* serta cenderung kepada mazhab khalaf. Kajian ini berupaya memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman serta kefahaman yang jelas dalam menginterpretasikan nas-nas *mutasyabihat al-sifat*.

Kata kunci: Pentafsiran, Sifat Allah, Ayat-ayat *mutasyabihat*, Syeikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan al-Rahman

Abstract

Syeikh Abdullah Basmeih is one of the prominent scholars in the writing of the book of tafsir, the Book of Tafsir Pimpinan al-Rahman. This interpretation also serves as the main reference, specifically for scientific writing in universities and is generally referred to by the community in Malaysia. Its use as a source of reference is more significant when its interpretation is used in Quran applications on mobile devices nowadays. The interpretation of the verse *mutasyabihat* of Allah swt becomes a polemic of society when differences in individual holdings underlie their understanding. The confusion that arises in understanding the attributes of Allah swt makes it necessary for the community to refer to the interpretation of scholars because there are various deviant beliefs in interpreting them. Thus, this study focuses on introducing Sheikh Abdullah Basmeih as a *mufassir* figure and his book, as well

as the method of interpretation that has been carried out on the mutasyabihat verse the attributes of Allah swt in the book of Tafsir Pimpinan al-Rahman. The methodology of this study is a content analysis to see the application of methods carried out in describing mutasyabihat verses related to the attributes of Allah swt and the data is analysed descriptively. The findings of the study explain that Sheikh Abdullah Basmeih interprets the mutasyabihat verse with takwil ijmal on the pronunciation of al-Wajh, al-'Ain, al-Majiu and al-Fawqa and tends to the khalaf scholar. This study seeks to give exposure to the public about the book Tafsir Pimpinan al-Rahman as well as a clear understanding of how to interpret the verse of mutasyabihat al-sifat.

Keywords: Interpretation, Allah attributes, mutasyabihat verse, Syekh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan al-Rahman

Cite This Article:

Nurul Nabilah Ahmad Marzuki & Mohd Nazri Ahmad. (2023). Analisis Kaedah Pentafsiran Syekh Abdullah Basmeih Terhadap Ayat Mutasyabihat al-Sifat [Analysis of Sheikh Abdullah Basmeih's Method of Interpretation of the Mutasyabihat Verse of Allah Attributes]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 78-91.

Pengenalan

Agama Islam ialah agama yang meraikan keilmuan dan ilmu *makrifatullah* (mengenal Allah) swt menjadi kewajipan utama yang perlu dipelajari oleh setiap individu muslim. Menukilkan kata-kata Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' Ulum al-Din*, ilmu itu fungsinya merujuk kepada ilmu berkaitan Allah swt, mengetahui ayat-ayat-Nya, perbuatan-Nya pada hamba-hamba-Nya dan penciptaan-Nya (al-Zarqani, 1995). Tafsir al-Quran ialah salah satu cabang ilmu yang penting dalam perbincangan mengenai al-Quran disebabkan penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantaraan wahyu.

Bahasa Arab adalah satu bahasa yang diangkat oleh Allah swt disebabkan keunikan dan keistimewaannya dalam pembentukan kosa kata yang berupaya menunjukkan beberapa makna dalam satu perkataan (Azhar Muhammad, 2005). Tafsir daripada segi istilah ialah satu disiplin ilmu yang membahaskan berkaitan petunjuk-petunjuk-Nya bertepatan dengan kemampuan manusia (al-Zarqani, 1995). Ulama'-ulama' tafsir adalah golongan yang berperanan mentafsirkan al-Quran disebabkan pemahaman dan pemaknaan al-Quran adalah bukan perkara yang mudah dan perlu melalui syarat dan disiplin ilmu yang tepat. Hal ini kerana, *nas-nas* al-Quran wujud dalam bentuk *muḥkam* iaitu apa yang diketahui maksudnya secara jelas dan bentuk *mutasyabihat* iaitu apa yang tersembunyi dalam ilmu Allah swt dan memerlukan penerangan untuk memahaminya (Manna' al-Qattan, 2000). Firman Allah swt dalam surah al-Imran ayat 7:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ

Maksudnya: Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci Al-Quran.

Sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat "*Muhkamaat*" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat *Muhkamaat* itu ialah ibu (atau pokok) isi Al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "*Mutasyabihaat*" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). (ali-Imran, 3:7)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, menjadi perbincangan ulama' dalam menjelaskan ayat *mutasyabihat* sifat melalui kaedah pentafsiran yang tepat bagi menangani ketidaktepatan dalam memaknainya. Sifat Allah swt adalah sebahagian daripada pembahagian ayat-ayat *mutasyabihat* yang timbul kesamarannya pada makna ayat (al-Raghib al-Asfahani, 2009). Asas yang utama dalam membahaskan sifat Allah swt ialah menyucikan Allah swt daripada menyerupai sesuatu dari sifat makhluk berlandaskan firman Allah swt dalam surah Syura ayat 11 iaitu (Tahir Mahmud Muhammad Yaakub, 2004):

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat. (al-Syura, 42:11)

Persoalan mengenai sifat-sifat Allah swt adalah satu perbincangan yang kritis oleh masyarakat apabila wujud individu yang berpegang kepada manhaj akidah berbeza. Tafsiran ulama' menjadi sumber rujukan masyarakat Islam dan dijadikan landasan kepada pemahaman mereka supaya tidak termasuk dalam golongan yang menyeleweng seperti *musyabbihah*, *mujassimah*, *mua'tillah* dan lain-lain. Justeru, kaedah pentafsiran yang tepat dalam memberi makna ayat-ayat *mutasyabihat* al-sifat perlu dilaksanakan supaya matlamat *mentanzihkan* (menyucikan) sifat Allah swt daripada sebarang makhluk tercapai.

Biografi Syeikh Abdullah Basmeih

Nama sebenar beliau ialah Abdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih. Dilahirkan pada 29 Disember 1913 di Ma'badah Mekah. Gelaran Basmeih atau sebutan asalnya "Basumayh" adalah gelaran kepada golongan peniaga yang berasal dari Hadramaut iaitu satu lembah yang bersejarah di negeri Yaman yang terletak di semenanjung Tanah Arab. Nama bapanya ialah Syeikh Muhammad Basmeih bin Salleh Basmeih berasal dari Hadhramaut dan ibunya yang berketurunan Arab iaitu Aisyah binti Abdullah bin Hammad berasal dari wilayah Bishah. Beliau mula berpindah ke Mekah dan menetap disana setelah bapanya Salleh iaitu datuk Syeikh berhijrah ke sana (Wan Ramizah Hasan 2019).

Beliau dibesarkan di Mekah hingga berumur 12 tahun dan dihantar kesuatu tempat bernama *Suq al-Layl* untuk mempelajari ilmu agama. Kemudian beliau dibawa berhijrah ke Tanah Melayu oleh ibu bapanya. Beliau telah pulang ke Tanah Melayu dan menyambung pelajarannya di Sekolah Melayu Pengkalan Balak pada tahun 1972 dan kemudiannya ke Sekolah Melayu di Bukit Gua. Masalah kewangan yang dihadapi menyebabkan beliau mengambil pendidikan formal sehingga darjah lima dah setelah itu, tidak lagi menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi (Muhammad Arif Musa et.al 2018). Syeikh Abdullah

walaupun dilahirkan di Mekah, penguasaan bahasa Melayunya ditahap yang baik disebabkan kehidupannya dikelilingi oleh masyarakat Melayu (Wan Ramizah Hasan 2019). Kemahiran bahasa Arab yang tinggi membuatkan Syekh Abdullah Basmeih mampu menterjemahkan pelbagai buku seperti sejarah hidup Siti Aishah (1950), sejarah hidup baginda Ali (1950), sejarah hidup Abu Bakkar al-Siddiq, (1951) sejarah hidup nabi Muhammad saw (1952-1953) dan sebagainya.

Sumbangan terbesar beliau kepada perkembangan ilmu agama di tanah air ini adalah melalui karya *Tafsir Pimpinan al-Rahman* dan *Mastika Hadith*. Beliau telah bekerja di beberapa buah syarikat seperti Qalam Press, Utusan Melayu di Singapura dan Malaysia serta menjadi penulis bebas sebelum dipinjamkan ke Jabatan Perdana Menteri untuk mentafsir dan menterjemah al-Quran. Walaupun bekerja untuk menyara keluarganya, beliau tetap bergiat aktif dan sentiasa komited dalam bidang penulisan dengan menghantar karyanya melalui akhbar. Sepanjang kehidupan Abdullah Basmeih, beliau telah berkahwin sebanyak dua kali. Pernikahan yang pertama di Singapura bersama dengan Hajah Hawa Puteh dan dikurniakan 14 orang anak. Namun, Hajah Hawa telah meninggal dunia setelah 49 tahun hidup bersama. Kemudian, syekh berkahwin dengan Hajah Rahmah. Pada 14 Julai 1996, Syekh Abdullah Basmeih telah menghembuskan nafasnya terakhir dalam perjalanan ke hospital setelah berasa kurang sihat pada hari itu di rumah beliau ketika berumur 84 tahun (Wan Ramizah Hasan 2019).

Pengenalan Kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman*

Penulisan tafsir di Malaysia telah dijalankan sejak dari dulu lagi. Ia bermula apabila ulama' tanah air menamatkan pengajian mereka di Mekkah, Mesir, India dan Patani. Perkembangannya penulisan tafsir telah berlaku pada tahun 1909 serta diteruskan sehingga hari ini (Ismail Yusoff, 1995). Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh ulama' terdahulu untuk memelihara khazanah tafsir di Malaysia. *Tafsir Pimpinan al-Rahman* adalah antara kitab tafsir lengkap 30 juzuk versi bahasa Melayu yang telah diterbitkan pada tahun 1972 selepas kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* yang dikarang oleh Tuan Haji Muhammad Said pada tahun 1934. Kitab ini ialah usaha pertama kerajaan Malaysia dalam bidang penterjemahan al-Quran Bahasa Melayu yang telah diputuskan pada Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu pada 13 Jun 1963 (Wan Ramizah Hasan 2019).

Proses penterjemahan melalui beberapa fasa iaitu fasa pertama ialah menterjemah jilid pertama untuk sepuluh juzuk pertama yang telah disiapkan pada akhir tahun 1968. Pada fasa kedua, beliau mengambil dua tahun untuk menyiapkan jilid kedua yang mengandungi sepuluh juzuk yang telah diterbitkan pada tahun 1970. Fasa terakhir iaitu fasa ketiga telah disiapkan pada tahun 1972 yang mengandungi sepuluh juzuk terakhir. Maka, lengkaplah kerja-kerja penterjemahan keseluruhan al-Quran 30 juzuk dalam tulisan jawi selama lima tahun (Wan Ramizah Hasan 2019). Hasil terjemahan kitab ini telah disemak oleh Tuan Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim bekas Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* yang dicetak pertama kalinya dalam tulisan rumi dalam satu jilid adalah pada tahun 1980 di bawah penyeliaan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM). Sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat dapat dilihat apabila kitab ini diulang cetak beberapa kali (Nasimah Abdullah 2015).

Setiap kitab tafsir mengandungi metode tersendiri dari sudut penyusunan, persembahan isi kandungan dan manhaj masing-masing. Terdapat tiga hal-hal yang penting yang dikenal pasti semasa menjalankan penterjemahan dan pentafsiran oleh beliau menurut Wan Ramizah Hasan (2019), yang pertama beliau menulis mukadimah yang menjelaskan secara ringkas berkaitan isi kandungan yang terdapat dalam sesebuah surah untuk memfokuskan isi-isi penting yang ingin ditonjolkan. Seterusnya, yang kedua ialah menterjemahkan kesemua ayat al-Quran menggunakan kaedah terjemahan *maknawiyyah* iaitu memindahkan lafaz satu bahasa ke suatu bahasa lain. Akhir sekali, mentafsirkan sebahagian ayat al-Quran yang dikehendaki untuk diberi penjelasan dengan menggunakan terjemahan *tafsiriyyah*. Beliau juga ada menukilkan hadith-hadith dalam tafsiran beliau sebagai penjelasan tambahan terhadap ayat-ayat al-Quran (Muhammad Arif Musa et.al 2018).

Tafsir Pimpinan al-Rahman yang menggunakan bahasa yang mudah difahami mendapat sambutan yang memberangsangkan oleh masyarakat. Penggunaan terjemahan kitab ini juga meluas dalam pelbagai bidang sektor kerajaan mahupun swasta terutamanya dalam bidang pendidikan. Antaranya ialah dalam bidang pendidikan di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menerbitkan satu naskhah khusus *Tafsir Pimpinan al-Rahman* untuk pelajar-pelajar membaca terjemahan dan memahami isi kandungan al-Quran. Terjemahan al-Quran ini juga digunakan dalam buku-buku teks pendidikan Islam (Wan Ramizah Hasan 2019). Selain itu, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* menjadi garis panduan kepada pelajar-pelajar di universiti khususnya mahasiswa dalam bidang pengajian Islam menggunakan terjemahan bagi ayat al-Quran dalam kajian ilmiah, disertasi dan tesis mereka. Kitab ini juga diletakkan di perpustakaan Institusi Pengajian Tinggi sebagai rujukan kepada pelajar.

Di samping itu, pelancaran terhadap Tafsir Pimpinan al-Rahman versi Mandarin telah diterbitkan oleh JAKIM dengan kerjasama pelbagai pertubuhan bukan kerajaan cina muslim pada tahun 2019. Usaha ini dapat membantu mualaf khususnya masyarakat cina dalam memahami al-Quran. Pemilihan kitab ini adalah kerana penggunaan bahasa yang mudah difahami oleh pelbagai lapisan umur. Seiring dengan itu, majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (Mou) antara kerajaan Malaysia dan Universiti Teknologi Mara (UTM) telah dilaksanakan bagi memasukkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman* ke dalam *e-Braille*. Ianya adalah sebuah mesin taip braille elektronik yang telah dibina oleh UTM sejak 2009 lagi. Penggunaan kitab ini dalam bentuk *e-braille* dapat memberi manfaat kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan untuk mendalami dan menguasai al-Quran. Akhir sekali, kitab tafsir ini juga boleh didapati dalam peranti-peranti elektronik dengan menggunakan aplikasi mudah alih iaitu *Smart al-Quran*. Berdasarkan portal JAKIM (2020), aplikasi ini dibangunkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) sebagai alternatif penggunaan digital. Terjemahan ayat al-Quran dapat dirujuk melalui telefon pintar dengan mudah bagi memudahkan generasi era digital pada masa kini untuk merungkai ayat al-Quran. Sesungguhnya banyak manfaat dan kegunaannya yang dapat disebarkan melalui kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* ini dalam pelbagai medium kepada seluruh masyarakat.

Definisi *Muhkam* dan *Mutasyabihat*

Perbahasan mengenai definisi *muhkam* dan *mutasyabih* mempunyai pelbagai tafsiran oleh ulama'-ulama' yang telah dibincangkan dari segi bahasa dan istilah. Dari sudut etimologi, *muhkam* ialah *isim maf'ul* bagi kalimah *ihkam* yang membawa maksud melarang dan menolak (ibn Manzur 2001). Selain itu, al-Fayumi (2016) menjelaskan kalimah *ihkam* adalah kehakiman dan asalnya adalah mencegah. Perkataan *mutasyabih* adalah *isim fa'el* dari kalimah *tasyabuh*. Dari segi bahasa *tasyabuh* memberi makna serupa atau sama. Isma'il bin Hammad al-Jawhari (1990) memberi definisi kalimah *mutasyabihat* ialah bermasalah dan wujud persamaan. Manna' al-Qattan (2000) menyatakan bahawa *muhkam* dari segi bahasa ialah menghalang manakala *mutasyabih* dari segi bahasa pula ialah serupa dengan yang lain antara dua perkara.

Dari segi termonologi pula ulama' memberikan pelbagai pendapat dalam menyatakan maksud *muhkam* dan *mutasyabihat*. Al-Suyuthi (2008) menghuraikan beberapa pendapat dalam memberi penjelasan berkaitan istilah tersebut iaitu ayat *muhkam* adalah ayat yang diketahui maknanya dengan baik secara zahir dan takwil manakala *mutasyabihat* adalah apa yang hanya diketahui maksudnya oleh Allah swt dengan keilmuanNya seperti waktu terjadinya hari kiamat, keluarnya dajjal dan potongan-potongan huruf pada awal surah. *Muhkam* adalah apa yang telah jelas maknanya manakala *mutasyabihat* pula sebaliknya. Selain itu, ayat *muhkam* tidak memerlukan takwil untuk difahami manakala ayat *mutasyabihat* memerlukan takwil untuk memahaminya. Ayat *muhkam* juga adalah ayat yang dapat difahami oleh akal seperti bilangan rakaat solat, pengkhususan ibadah puasa wajib pada bulan Ramadhan bukan pada bulan Syaaban manakala ayat *mutashabihat* dengan sebaliknya.

Seterusnya, ayat *muhkam* adalah ayat yang mampu berdiri sendiri dari sudut maknanya sedangkan ayat *mutasyabihat* tidak dapat berdiri sendiri malah bergantung pada ayat yang lain. Ayat *muhkam* juga ialah ayat yang berkisarkan berkaitan kewajipan, ancaman dan janji dan ayat *mutasyabihat* adalah ayat berkaitan kisah-kisah dan perumpamaan. Abi Hatim telah berkata didalam tafsirnya, diriwayatkan dari Ikrimah dan Qatadah dan lainnya, sesungguhnya ayat *muhkam* adalah ayat yang perlu beramal dengannya manakala ayat *mutasyabihat* adalah ayat yang perlu beriman dengannya dan tidak beramal dengannya.

Al-Zarqani (1995) telah mengumpulkan beberapa pandangan ulama' dalam memberi takrifan istilah *muhkam* dan *mutasyabihat*. Antaranya ialah *muhkam* ialah ayat yang jelas lagi nyata maksudnya yang tidak mengandungi *nasakh* manakala *mutasyabihat* ialah ayat yang tersembunyi maknanya, tidak diketahui maknanya secara aqli mahupun naqli dah hanya Allah yang mengetahuinya. Selain itu, *muhkam* juga ialah ayat yang tidak terkandung padanya makna yang lain kecuali satu keterangan sahaja manakala *mutasyabihat* ialah ayat yang mengandungi pelbagai kemungkinan pada maknanya. Imam al-Haramain menyatakan *muhkam* ialah ayat yang susunan dan turutannya membawa kepada makna yang tepat tanpa wujud tentangan manakala *mutasyabih* ialah ayat yang tidak merangkumi makna yang diperlukan dari segi bahasa kecuali wujudnya bukti dan melalui lafaz *musytarak* dalam kesamaran dari segi makna.

Dalam pada itu, al-Zarkasyi (1983) mendefinisikan *muhkam* ialah perkara yang diputuskan dengan suruhan dan larangan dan penjelasan berkaitan halal dan haram manakala *mutasyabih* ialah penyerupaan sesuatu lafaz secara zahir tetapi berbeza pengertian dari segi

makna. Subhi al-Salih (1977) dalam kitabnya *Mabahith fi Ulum al-Quran* menyatakan ayat mutasyabihat ialah ayat yang memerlukan kepada petunjuk yang benar tentang maknanya. Imam al-Alusi (2010) dalam kitabnya *Ruh al-Ma'ani* pula memberi pengertian bahawa mutasyabihat ialah ayat yang membawa kepada beberapa makna yang sukar untuk dibezakan dengan sebahagian yang lain. Oleh itu, sesuatu makna ayat mutasyabihat tersebut hanya didapati daripada proses penelitian yang mendalam.

Tuntasnya, *muhkamat* dari sudut etimologi dapat diertikan sebagai mencegah atau menghalang manakala mutasyabihat ialah serupa atau sama. Dari sudut terminologi pula *muhkamat* ialah ayat yang jelas yang diketahui maknanya dan tidak memerlukan pentakwilan untuk memahaminya manakala ayat mutasyabihat ialah ayat yang mengandungi kesamaran padanya dalam menentukan makna, memerlukan penjelasan dalam memahaminya dan sebahagiannya hanya diketahui ilmunya dalam pengetahuan Allah swt sahaja. Antara sebahagian contoh ayat *muhkamat* adalah berkisarkan halal dan haram, kefarduan puasa dan haji serta janji dan ancaman. Adapun contoh ayat mutasyabihat ialah huruf *muqattah*, peristiwa hari akhirat, syurga, neraka dan sifat-sifat Allah swt.

Bentuk-bentuk Ayat Mutasyabihat

Al-Zarqani (1995) telah membahagikan ayat-ayat mutasyabihat kepada tiga bahagian iaitu kesamaran pada lafaz, kesamaran pada makna dan kesamaran pada lafaz dan makna. Kesamaran pada lafaz berlaku pada dua bentuk iaitu apabila pada lafaz *mufrad* (lafaz yang tunggal) dan pada lafaz *murakkab* (lafaz yang terbentuk dari ayat yang ringkas). Lafaz *mufrad* berlaku pada dua bentuk keadaan iaitu pada lafaz yang *gharib* dan lafaz *isytirak*. Lafaz yang *gharib* ialah perkataan yang asing yang menyebabkan tidak difahami maksudnya manakala lafaz *isytirak* ialah perkataan yang mengandungi makna lebih dari satu. Kesamaran lafaz *mufrad* pada lafaz *gharib* berlaku pada lafaz **أَبَا** dalam surah 'Abasa ayat 31 iaitu firman Allah swt:

وَفُكِّهَةٌ وَأَبَا (31) مَتَّعْنَاكُمْ وَلَئِنَّمْ (32)

Maksudnya: Dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput. Untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu. ('Abasa, 80:31-32)

Lafaz **أَبَا** jarang disebutkan di dalam al-Quran menyebabkan lafaz tersebut asing dan sukar difahami. Namun ayat seterusnya yang menjelaskan tafsiran ayat untuk kegunaan kamu dan binatang ternak kamu menunjukkan lafaz tersebut adalah rumput yang digunakan untuk binatang ternak. Al-Baghawi (2008) menerangkan ia bermaksud padang rumput yang tidak diusahakan manusia dan yang dimakan oleh lembu dan haiwan. Selain itu, kesamaran yang berlaku pada makna sahaja dan bukan pada lafaz. Tamsilnya, apabila membincangkan ayat surah Taha ayat 5:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى

Maksudnya: Iaitu (Allah) Ar-Rahman, yang bersemayam di atas Arasy. (Taha, 20:5)

Abu Qasim al-Lalaka'i (2001) menyatakan membagaimanakannya sesuatu yang tidak boleh difikirkan, dan *istiwa* itu suatu yang tidak diketahui, dan pengakuan dengannya dari keimanan dan tidak mempercayainya adalah kafir. Imam al-Lalakai' juga dari Muhammad ibn al-Hasan telah berkata bahawa semua para fuqaha' dari timur hingga barat telah bersetuju untuk beriman dengan sifat-sifat Allah swt tanpa menyerupakan Allah swt dengan makhluk (*tasybih*) dan tanpa mentafsirkannya.

Akhir sekali, kesamaran pada lafaz dan makna berlaku dalam ayat al-Quran surah al-Baqarah ayat 189, firman Allah swt:

وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا

Maksudnya: Dan bukanlah perkara kebajikan: kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berhram).(al-Baqarah 2:189)

Berdasarkan ayat di atas, maka sesiapa yang tidak memahami adat istiadat bangsa Arab pada zaman jahiliah tidak akan memahami maksud ayat tersebut. Hal ini kerana kesamaran yang berlaku ialah kesamaran pada lafaz kerana terlalu ringkas dan kesamaran pada makna kerana merujuk kepada adat kebiasaan Arab jahiliah. Kesamaran yang berlaku dalam lafaz dan makna hanya akan diketahui melalui proses pengkajian dan penelitian.

Kaedah Pentafsiran Ayat-ayat *Mutasyabihat*

Al-Qaradawi (2005) telah memetik daripada pandangan Hasan al-Banna, bersetuju dengan majoriti ulama' yang mengklasifikasikan ayat-ayat sifat sebagai ayat *mutasyabihat* berlandaskan pengistilahannya sebagai ayat yang menunjukkan kesamaran dari segi makna. Terdapat tiga asas yang perlu difahami dalam memahami bab sifat Allah swt yang telah digariskan dalam kitab *Asbab al-Khata' fi Tafsir* karangan Tahir Mahmud Muhammad Yaa'kub (2008) iaitu pertama menyucikan Allah swt daripada menyamakan dari sifatNya dari sifat makhluk. Yang kedua ialah beriman dengan sifat Allah swt kerana tiada sifat Allah swt kecuali hanya diketahui olehNya. Yang ketiga ialah membuang sifat tamak daripada mengetahui hal bagaimana.

Subhi al-Salih (1977) telah menyatakan terdapat dua mazhab dalam kalangan ulama' apabila berhadapan dengan ayat-ayat *mutasyabihat* al-sifat iaitu mazhab *salaf* dan mazhab *khalaf*. Golongan *Salaf* ialah golongan yang hidup pada tiga generasi terawal dalam lingkungan kurun tiga hijrah yang terdiri daripada Rasulullah saw para sahabat, para tabiin dan tabi' tabiin ra. Majoriti daripada mereka berpegang kepada kaedah *tafwid* atau takwil ijmal dalam memahami ayat *mutasyabihat*. Seterusnya, golongan *khalaf* ialah ulama' yang merujuk kepada kurun selepasnya. Mereka kebiasaannya menggunakan kaedah takwil atau takwil tafsili dalam membincangkan berkaitan ayat-ayat *mutasyabihat* sifat. Kaedah *tafwid* ialah menyerahkan pengetahuan berkaitan ayat-ayat *mutasyabihat* kepada Allah swt dan tanpa mengetahui maknanya untuk menyucikan Allah swt daripada sebarang *tasybih* (penyerupaan) dengan makhluk. Konsep *tafwid al-ma'na* yang dibawa oleh ulama' Asyairah ialah yang menepati

penjelasan ulama' *salaf* (Mohd Saiba Yaacob & Syed Hadzrullutfi Syed Omar 2023). Sebagai contoh ditanyakan kepada Imam malik berkaitan الاستواء (*istiwa*) dan beliau berkata, *istawa* itu difahami, dan bagaimana perihalnya Allah swt *istiwa* itu tidak ada dalam pengetahuan, dan persoalan berkenaannya adalah bidaah (iaitu perkara baharu dalam agama yang dikritik dan dibincangkan), dan kamu menyangka orang tersebut adalah buruk, maka terkeluarlah golongan itu daripada aku. Ulama' *salaf* kebanyakannya tidak memberi sebarang tafsiran kepada ayat-ayat *mutasyabihat* dan hanya beriman dengannya serta sedikit sahaja daripada golongan itu yang *mentakwilkannya*.

Dalam pada itu, golongan *khalaf* pula menggunakan kaedah *takwil* apabila berhadapan dengan ayat-ayat *mutasyabihat*. Manna' al-Qattan (2000) menjelaskan bahawa *takwil* ialah memalingkan lafaz daripada makna pertama kepada makna kedua iaitu makna yang paling dikehendaki maksudnya berdasarkan latar belakang ayat berserta dalil atau bukti yang bersamanya. *Takwil* ialah mengalihkan makna dengan makna yang layak bagi Allah swt supaya membendung daripada menyerupakan Allah swt dengan sesuatu. Contohnya, al-Tabari (2000), meriwayatkan pandangan Ibn 'Abbas r.a terhadap kalimah kursi yang ditafsirkannya dengan maksud "ilmu-Nya. Namun begitu, terdapat beberapa-beberapa syarat dalam *mentakwilkan* ayat al-Quran yang digariskan oleh ulama' Asyairah dalam memandu kesahihan sesuatu *takwilan* itu. Antaranya adalah lafaz atau perkataan yang hendak *ditakwil* perlu *thabit* dengan nas dan lafaz tersebut sebelum *ditakwil* memberikan pengertian yang *mentashbihkan* Allah swt. *Pentakwilan* hendaklah tidak bercanggah dengan uslub bahasa Arab serta bukan suatu tafsiran yang bertentangan dengan *siyaq* atau *zahir* kalam bahkan selari atau sesuai dengannya. *Takwil* yang dilaksanakan mestilah bertujuan untuk mentakzimi Allah swt dan tidak boleh bertentangan dengan asal nas yang *thabit* (Nur Hidayat Muhammd 2018)

Wahbah al-Zuhaili (1986) menyatakan kaedah ulama' *salaf* ialah kaedah yang dipegang oleh ulama Ahli Sunnah wal Jamaah dari ulama' al-Sarmanqandi dan manhaj orang-orang usul. Maka hukumnya ialah *tawakkuf* (berhenti) dengan *i'tikad* (kepercayaan) yang benar, dan *tafwid* (menyerahkan) ilmu tersebut kepada Allah swt tanpa memerlukan perbahasan *takwil* padanya. Justeru, kaedah ulama' *Salaf* lebih selamat kerana padanya selamat dari memberi atau menentukan makna yang mungkin tidak dimaksudkan untuk meninggikan Allah swt manakala kaedah ulama' *Khalaf* lebih berpengetahuan dan lebih bijak kerana ia mengandungi lebih banyak penjelasan dan hujah menolak kepada golongan yang menentang.

Analisis Kaedah Pentafsiran Ayat-ayat *Mutasyabihat* Sifat Allah swt dalam *Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman*

Kajian ini menumpukan empat lafaz iaitu lafaz الوجه (*al-Wajh*), lafaz العين (*al-^cAin*), lafaz المجى (*al-Mujiu'*) dan lafaz فوق (*al-Fawqa*) yang disandarkan kepada sifat Allah swt. Kaedah pentafsiran yang digunakan meliputi dua kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama' iaitu merangkumi *tafwid* atau dikenali sebagai *takwil ijmal* dan *takwil* atau dipanggil sebagai *takwil tafsil*. Penerangan berkaitannya adalah seperti berikut:

a. Lafaz الوجه (*al-Wajh*)

Lafaz wajah yang merujuk kepada sifat Allah swt telah disebutkan lapan kali di dalam al-Quran pada ayat yang berbeza iaitu surah al-Rahman ayat 27, surah al-Kahfi ayat 28, surah al-‘An‘am ayat 52, surah al-Baqarah ayat 115, surah al-Rum ayat 38, surah al-Insan ayat 9, surah al-Layl ayat 20 dan surah al-Qasas ayat 88 (Tawfiq Yusuf al-Wai’, 2006). Namun, perbincangan artikel ini difokuskan pada surah al-Qasas ayat 88, Allah swt berfirman:

وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ

Maksudnya: Dan janganlah engkau menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia. Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat Allah. (al-Qasas, 28:88)

Wajah memberi pengertian kepada sesuatu zat. Apa yang kelihatan kepada seseorang manusia pada kebanyakan waktu tidak lain tidak bukan hanyalah pada wajahnya dan justeru daripada itu kita mengetahui kehadiran dan kewujudannya (Tawfiq Yusuf al-Wai’, 2006). Wajah dari segi bahasanya memberi pengertian air muka atau muka paras (Kamus Dewan 2010). Namun begitu perbincangan mengenai wajah Allah swt tidak sama sekali sama dengan makhluk ciptaan-Nya.

Tafsiran yang dikemukakan oleh Syeikh Abdullah Basmeih bagi lafaz wajah ialah zat Allah swt dengan menggunakan kaedah *takwil* iaitu mengikut ulama’ *khalaf*. Penulis *Umdatul Hufaz* juga telah mengulas berkaitan ayat ini dan berpendapat bahawa (الوجه يعبر عن الذات والباري) lafaz wajah itu menjelaskan sesuatu zat, dan Allah swt suci daripada sebarang anggota (Ahmad bin Yusuf, 1996). Sesungguhnya, Imam al-Baghawi (1995) dalam tafsirnya menyerahkan (*tafwid*) tafsiran lafaz wajah tersebut kepada Allah swt mengikut ulama’ *salaf* dan hanya mentafsirkan kalimat *وَجْهَهُ* kepada (إلا هو) kecuali Dia iaitu merujuk kepada Allah swt. Ibn Kathir (1999) memberi huraian berkaitan ayat ini dengan menyatakan ayat ini memaklumkan bahawasanya Allah swt yang kekal selama-lamanya, yang menghidupkan dan mematikan makhluk-Nya sedangkan Dia tidak mati. Lafaz wajah telah ditafsirkan dengan (إياه) iaitu kecuali diri-Nya. Beliau juga menukulkan kata-kata Mujahid dan al-Nawawi yang menerangkan sifat wajah itu adalah (إلا ما أريد به وجهه) kecuali sesuatu yang dikehendaki dengannya dirinya. Ibn Kathir tidak *mentakwilkan* lafaz wajah tersebut dan mengikut kaedah pentafsiran ulama’ *salaf*.

b. Lafaz العين (*al-‘Ain*)

Perkataan mata iaitu العين di dalam al-Quran terdapat dalam bentuk *mufrad* (bilangan tunggal), *muthanna* (bilangan dua) dan *jamak* (bilangan banyak) telah dirakamkan sebanyak 57 kali. Antara dari keseluruhan lafaz tersebut, yang hanya disandarkan kepada sifat Allah swt adalah sebanyak lima kali iaitu satu dalam bentuk *mufrad* dan selebihnya dalam bentuk *jamak*. Penggunaan lafaz بِأَعْيُنِنَا dalam bentuk *jamak* direkodkan di dalam al-Quran iaitu dalam surah Hud ayat 37, surah al-Tur ayat 48, surah al-Qamar ayat 14 dan surah al-Mukminun ayat 27.

Berikut ialah firman Allah swt dalam surah Hud pada ayat 37:

وَأَصْنَعِ الْفُلَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَاطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُّعْرِضُونَ

Maksudnya: Dan buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami, dan dengan panduan wahyu Kami (tentang cara membuatnya); dan janganlah engkau merayu kepadaKu untuk menolong kaum yang zalim itu, kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan (dengan taufan)".(Hud, 11:37)

Kalimah بِأَعْيُنِنَا dalam ayat di atas telah ditafsirkan oleh Syeikh Abdullah Basmeih dengan pengawasan serta kawalan kami. Ini menunjukkan beliau menggunakan kaedah pentafsiran ulama' *khalaf* iaitu *mentakwilkan* ayat *mutasyabihat* tersebut. Abu Bakar al-Jazairi (1990) dalam kitabnya *Kitab Aisir al-Tafasir* telah mentafsirkan makna kalimah بِأَعْيُنِنَا dengan (أي وأمرناه أن يصنع الفلك أي السفينة تحت بصرنا وبتوجيهنا وتعليمنا) iaitu kami memerintahkannya untuk membuat bahtera di bawah pandangan, bimbingan dan pengajaran kami. Ini membuktikan bahawasanya beliau *mentakwilkan* lafaz *ain* sifat Allah swt tersebut dengan mengikut mazhab *khalaf*.

Dalam pada itu, ibn Kathir (1999) mentafsirkan lafaz *ain* dengan (أي: بمرأى منا) iaitu dengan penglihatan-Nya. Ini menunjukkan beliau cenderung menggunakan kaedah *takwil*. Al-Qurtubi (2006) dalam tafsirnya pula telah menukilkan pendapat Ibn 'Abbas berkaitan tafsir kalimah بِأَعْيُنِنَا iaitu mentafsirkan dengan (بحراستا) dalam pengawasan-Nya. Beliau *mentakwilkan* lafaz *ain* dalam menjelaskan ayat ini. Justeru, ulama' *salaf* juga *mentakwilkan* dalam masalah ini dengan bersandarkan kepada *takwilan* Ibn Abbas, Rubai' bin Anas dan selainnya.

c. Lafaz المجىء (al-Majiu)

Kalimah جاء telah dimuatkan di dalam al-Quran sebanyak 68 kali (Muhammad Fuad 1945). Sebahagian kalimah tersebut merujuk kepada ayat-ayat *mutasyabihat* yang berkaitan sifat Allah swt iaitu surah al-Fajr ayat 22 yang menerangkan kedatangan Allah swt menggunakan lafaz جاء. Firman Allah swt:

وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا

Maksudnya: Dan (perintah) Tuhanmu pun datang, sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah). (al-Fajr, 89:22)

Syeikh Abdullah Basmeih dalam membincangkan ayat ini telah mentafsirkan lafaz جاء dengan perintah Tuhanmu pun datang. Kaedah pentafsiran *khalaf* telah dipilih bagi mentakwilkan lafaz tersebut. Terdapat beberapa pendapat yang telah ditemui dalam mengulas tafsiran ayat ini, pandangan pertama menjelaskan sesungguhnya perihal datang dan pergi itu mustahil bagi Allah swt dan lebih baik diam untuk mentakwilkannya bahkan menyerahkan makna ayat tersebut secara terperinci kepada Allah swt. Selain itu, pandangan kedua iaitu

maksud datang tersebut ialah perintah Allah swt akan datang kepada mereka. Akhir sekali, makna datang tersebut ialah tanda-tanda Allah datang kepada mereka (Tawfiq Yusuf al-Wai', 2006).

Al-Baghawi (1995) dan al-Qurtubi (2006) mentafsirkan lafaz **جَاءَ** dengan menukulkan kata-kata Hasan iaitu (قال الحسن: جاء أمره وقضاؤه) iaitu telah datangnya perintah Allah swt dan ketetapanNya. Ini menunjukkan beliau mentakwilkan lafaz tersebut menggunakan kaedah ulama' *khalaf*. Adapun Abu Bakar al-Jazairi (1990) dan Ibn Kathir (1999) mentafsirkan lafaz **جَاءَ** tersebut dengan datangnya Allah swt dengan (أي لفصل القضاء) iaitu untuk memutuskan ketetapan. Ini menunjukkan bahawa beliau juga mentakwilkan ayat tersebut mengikut ulama' *khalaf*.

d. Lafaz **الْفَوْق** (*al-Fawqa*)

Sifat *fawqa* yang dinisbahkan kepada Allah swt ditemui dalam empat ayat al-Quran iaitu dalam surah al-Ana'm ayat 18 dan ayat 61, surah al-Nahl ayat 50 dan surah al-Fath ayat 10 (Syamsuddin Ahmad, 2002). Firman Allah swt dalam surah al-Ana'm ayat 18:

وَهُوَ الْغَافِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ ۖ وَهُوَ الْخَبِيرُ

Maksudnya: Dan Dia lah yang Berkuasa atas sekalian hambaNya (dengan tadbir dan takdir); dan Dia lah Yang Maha Bijaksana serta Amat Mendalam PengetahuanNya.

Kalimah **فَوْق** adalah kata yang diletakkan untuk menunjukkan kebesaran Allah swt yang Maha Tinggi dan Allah swt suci daripada segala arah (Syamsuddin Ahmad, 2002). Pentafsiran Syeikh Abdullah Basmeih pada lafaz **فَوْق** adalah dengan atas sekalian hambanya (dengan tadbir dan takdir). Beliau telah *mentakwilkan* ayat ini dengan kaedah ulama' *khalaf*. Selain itu, al-Tabari (2000) dalam tafsirnya membincangkan pada lafaz **فَوْق** dengan (لأنه وصف نفسه تعالى) **فَوْق** **فَوْقَهُمْ** menjelaskan bahawasanya Allah swt menggambarkan diri-Nya yang Maha Kuasa dengan menakluki mereka dan menjadi setiap ciri penakluk untuk menjadi lebih tinggi daripadanya.

Seterusnya, al-Baidhawi (1997) dalam tafsirnya menjelaskan lafaz tersebut adalah (تصوير لقهره وعلوه بالغلبة والقدرة) gambaran penguasaan-Nya dan ketinggian-Nya dengan kekuasaan-Nya dan kekuatan-Nya. Selain itu, al-Zamakhshari menjelaskan ayat sifat tersebut dengan (تصوير للقهر والعلو بالغلبة والقدرة) iaitu menggambarkan penaklukan dan ketinggian dengan dominasi dan kekuasaan. Seperti mana firman Allah swt dalam surah al-A'raf ayat 127:

وَأَنَّا فَوْقَهُمْ قَاهِرُونَ

Maksudnya: dan kita tetap menguasai (menundukkan) mereka".(al-A'raf, 7:127)

Kesimpulannya, al-Tabari, al-Baidhawi dan al-Zamakhshari *mentakwilkan* kalimah **فَوْق** tersebut berpandukan ulama' *khalaf* dalam pentafsiran mereka.

Kesimpulan

Perbahasan berkaitan sifat Allah swt sering menjadi konflik dalam masyarakat apabila nas-nas *mutasyabihat* difahami mengikut kefahaman manhaj masing-masing. Perkara ini akan terus berlegar khususnya di media sosial yang digunakan sebagai medium untuk mempertahankan pegangan tersendiri sehinggakan lebih dahsyat lagi berlaku fenomena mengkafirkan puak-puak tertentu. Aliran pemikiran yang sepatutnya menjadi pegangan masyarakat Islam adalah berpegang dengan apa yang dibawa oleh para sahabat kerana mereka adalah golongan yang diiktiraf keimanannya berdasarkan surah al-Baqarah ayat 137. Berdasarkan pentafsiran Syeikh Abdullah Basmeih, beliau lebih cenderung kepada *mentakwilkan* ayat-ayat *mutasyabihat* al-sifat dalam berinteraksi dengan empat sifat yang dianalisis iaitu *al-Wajh*, *al-'Ain*, *al-Majiu* dan *al-Fawqa*. *Takwilan* yang dilaksanakan masih berlandaskan akidah yang benar, bersifat sederhana serta merujuk ulama' muktabar dalam mengaplikasi *takwilannya*. Wujud persepakatan ulama' dalam tidak boleh melakukan *takwil* bagi lafaz *istiwa* namun lafaz yang dikaji masih wujud ruang *pentakwilan* dengan mengikuti syarat-syarat wasatiyyah yang telah digariskan. Justeru, mencontohi keimanan sahabat dan *salaf al-salih* adalah yang terbaik dalam berhadapan dengan nas-nas *mutasyabihat* al-sifat iaitu menyerahkan pengetahuan sifat Allah swt kepada-Nya.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad, Syams al-Din Muhammad Ahmad. 2002. *Izalatu al-Syubahat 'An al-Ayat wa al-Ahadith al-Mutasyabihat*. Kaherah: Dar al-Bayan al'Arabi.
- al-Alusi, Shihab al-Din Sayyid Mahmud bin 'Abd Allah. 2010. *Ruh al Maa'ni fi Tafsir al-Quran al-A'zim wa Sabi' Mathani*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Azhar Muhammad. (2005). Beberapa aspek keunikan dan keistimewaan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran. *Sains Humanika*, 42(1): 61-76
- al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud bin Muhammad al-Farra'. (1995). *Tafsir al-Khazin lubab al-Takwil fi Maa'ni al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- al-Baidhawī, Nasr al-Din Abu Said Abdullah bin Umar bin Muhammad. (1997). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-'Arabi
- al-Duraini, Muhammad Fathi. (2013). *Al-Manahij al-Usuliyyah fi Ijtihad bi al-Ra'yi fi Tasyri' al-Islamiy*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Fayumi al-, Ahmad bin Muhammad (2016). *Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al-Kabir*. Kaherah: Dar al-Maa'rif
- al-Halabi, Ahmad Yusuf al-Samin. (1996) . *Umdat al-Huffaaz Fi Tafsir Ashraf Alfaz: Mu'jam Lughawi li al-faz al-Qurann al-Karim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar (1999). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, tahqiq: Sami bin Muhammad Salamah. Cet. ke 2, t.tp: Dar Taybah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram bin Ali bin Ahmad. (2001). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Kitab al-Ilmiyyah.

- al-Jawhari, Ismail bin Hammad (1990). *Al-Shihah Taj al-Lughah wa Shihah al-'Arabiyyah*. Beirut-Lubnan: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- Kamus Dewan. (2010). Edisi Keempat. *Dewan Bahasa dan Pustaka*: Kuala Lumpur, cet.4.
- al-Lalaka'i, Hibatullah bin Hasan Abu Qasim. (2001). *Sharah Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Iskandariyah: Maktab Dar al-Basyrah.
- Mohd Saiba Yaacob & Syed Hadzrullutfi Syed Omar. 2023. Konsep Tafwid Ulama Salaf dalam Berinteraksi dengan Sifat Khabariyyah Menurut Asha'irah dan Ibn Taymiyyah: Satu Perbandingan. *BITARA International Journal of Civilization Studies Human Sciences*. 6(2): 104-123.
- Muhammad Arif Musa, Abd Muhaimin Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, Norazman Alias, Hayati Hussin, Zainora Daud. (2018). Terjemahan Ayat Amthal di dalam al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Pimpinan al-Rahman. *Journal Maalim al-Quran wa al-Sunnah*. (2): 147-156
- Muhammad Fuad 'Abdul Baqi. (1945). *Mu'jam al-Fahras li Alfaz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Kitab Misriyyah.
- Nur Hidayat Muhammd. (2018). *'Akidah Salaf*. Kuala Lumpur: ARG Training & Consultancy
- al-Qaradhawi, Yusuf. (2005). *Fusul fi al-'Aqidah bayn al-Salaf wa al-Khalaf*. Cairo: Maktab Wahbah.
- al-Qattan, Manna' bin Khalil. (2000). *Mabahith Fi 'Ulum al-Qur'an*. Maktabah Wahbah.
- al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr. (2006). *al-Jami' Li Ahkam Al-Qur'an*. Beirut-Libnan: Muassasah al-Risalah.
- al-Salih, Subhi. (1977). *Mabahith fi Ulum al-Quran*, Beirut: Dar al-'Ilm lil-Malayin
- al-Suyuti, Abd al-Rahman bin Kamal Jalal al-Din. (2008). *Al-Itqan Fi 'Ulum al-Qur'an*. Juz II. Tahqiq Mustafa Syeikh Mustafa. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah
- al-Tabari, Abu Jafar Muhammad bin Jarir. (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, tahqiq Ahmad Muhammad Shakir. T.tp.: Muassa'sah al-Risalah.
- al-Wai', Tawfiq Yusuf. (2006). *Aqwal Ulama' al-Ithbat fi Ayat wa Ahadith al-Sifat*. Mesir: Dar Badar, cet 2.
- Wan Ramizah Hasan. (2019). *Sheikh Abdullah Basmeih*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ya'qub, Tahir Mahmud Muhammad. (2004). *Asbab al-Khata' fi al-Tafsir*. Mamlakah al-Arabiyah Su'uudiyah: Dar ibn al-Jauzi
- Yusoff, I. (1995). Perkembangan penulisan dan terjemahan kitab-kitab tafsir di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*. 16: 19-32
- al-Zamakhsyari, Mahmud bin Umar bin Ahmad. (2008). *Tafsir Al- Kasysyaf*. Berut, Lubnann: Daar al-Fikri.
- al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Abdullah. (1983). *al-Burhan Fi Ulum al-Quran*. Kahereh: Dar al-Turath.
- al-Zarqani, Muhammad Abd al-Azim (1995). *Manahil Irfan fi ulum al-Quran*. Beirut: Dar Kitab al-Ghazali.
- al-Zuhaili, Wahbah. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Fiqr